

Newspaper	Berita Harian
Date	05/08/2017

Dr Mahathir cuba cetus 'perang saraf' dalam UMNO

BH - 5/8/2017 pg. 8

➔ Lagakan dua pemimpin tertinggi parti selepas serangan secara luaran gagal

Oleh Luqman Arif
Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Tun Dr Mahathir Mohamad didakwa cuba menyuntik virus kebencian untuk merobohkan UMNO secara dalaman selepas pelbagai usahanya selama ini gagal.

EXCO Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Mukhriz Ahmad Fuad, menyifatkan gerakan untuk mencetuskan 'perang saraf' terhadap institusi Presiden UMNO

adalah taktik terbaru Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu.

"Beliau sendiri (Dr Mahathir) pernah cakap UMNO kuat kerana benteng dalamannya, ia itu barisan kepemimpinan presiden menjaga ahli pada peringkat akar umbi.

Ubah taktik

"Oleh itu, Dr Mahathir yang kini mengepalai pembangkang, ubah taktik dengan menumpukan usaha melagakan pemimpin UMNO dari dalam kerana semua serangan menerusi 'pintu' luar selama ini menemui jalan buntu.

"Inilah taktik terbarunya, tetapi barisan kepemimpinan UMNO jangan tunduk dengan helah ini," katanya pada sidang media yang turut dihadiri Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pekan, Datuk Shahrudin Ahmad, di sini, semalam.

Beliau mengulas dakwaan Dr Mahathir kononnya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi bertemu

dengannya meminta sokongan untuk menggulingkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Berpegang konsep walak

Ahmad Mukhriz berkata, cubaan untuk mewujudkan pergeseran dengan melaga-lagakan kepemimpinan UMNO adalah sia-sia kerana setiap ahli berpegang teguh kepada konsep walak.

"Ahmad Zahid bukan orang luar di Pekan kerana pernah menjadi Setiausaha Politik Najib ketika Perdana Menteri menyandang jawatan Menteri Pertahanan.

"Jadi, mustahil untuk ranapan pertalian yang sudah terjalin antara Ahmad Zahid dan Najib kerana ia ibarat 'aur dengan tebing', saling melengkap.

"Sudah-sudahlah Dr Mahathir dengan serangannya untuk menggoyahkan tiang dalam UMNO kerana muslihat seperti ini tidak akan berhasil," katanya.



Cubaan untuk mewujudkan pergeseran dengan melagakan kepemimpinan UMNO adalah sia-sia kerana setiap ahli berpegang teguh kepada konsep walak"

Ahmad Mukhriz
Ahmad Fuad,
EXCO Pemuda UMNO